

UPM, JPV tandatangani pemilikan bersama vaksin CLA

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menandatangani surat hasrat untuk pemilikan bersama vaksin penyakit bisul nodus limfa (Caseous Lymphadenitis (CLA) yang dihasilkan di negara ini.

Majlis menandatangani surat hasrat ini berlangsung di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, di sini, kelmarin oleh Timbalan Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dan Ketua Pengarah JPV Datuk Dr Kamarudin Md Isam, serta disaksikan Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

JPV dalam kenyataannya berkata, penghasilan vaksin ini membabitkan penyelidikan dari UPM dan Institut Penyelidikan Veterinar JPV dengan UPM menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan vaksin ini serta mempatenkannya.

“Sementara Institut Penyelidikan Veterinar akan mengambilalih penyelidikan seterusnya untuk menambahbaik vaksin itu bagi tujuan pendaftaran vaksin dengan Jawatankuasa Pendaftaran

Bahan Biologik JPV kemudian mengkomersilkannya.

“UPM dan JPV akan menjadi pemilik bersama dalam paten vaksin ini,” katanya.

Menurutnya, vaksin ini sudah diuji dan dapat memberikan sehingga 83 peratus perlindungan kepada kambing dan biri-biri yang disuntik, malah ia juga selamat dan tidak mempunyai kesan sampingan.

Katanya, ia sesuai diberikan kepada kambing dan biri-biri yang berumur enam bulan ke atas.